

Headline	Kuat kuasa penggunaan logo halal langkah terbaik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	3	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 376
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,128



Kuat kuasa penggunaan logo halal langkah terbaik

KUALA TERENGGANU - Penguatkuasaan penggunaan logo halal keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bermula semalam, langkah terbaik bagi mengelakkan masyarakat keliru.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Mashitah Ibrahim berkata, ia berikutan penggunaan pelbagai jenis logo halal di kebanyakan premis.

Menurutnya, kerajaan membuat keputusan me-

nyelaraskannya bagi mengelakkan orang ramai keliru, selain mengelak pihak tertentu mengambil kesempatan.

“Memang ketika ini ada sebahagian premis bukan saja guna logo tidak diiktiraf Jakim malah menggunakan pekerja bertudung dan berkopiah.

“Jika tidak dibendung, kita bimbang ia menimbulkan kekeliruan dan keraguan status premis,” katanya selepas merasmikan Majlis Perasmian Persidangan Agung Tahunan

Kali Ke-58 Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS) dan Pelancaran Skwad Jelajah Motivasi Petua Peperiksaan 1Malaysia GPMS-Score A 2012 di Universiti Malaysia Terengganu, semalam.

Katanya, apa yang menyedihkan ada sesetengah masyarakat ambil jalan mudah dengan menganggap jika premis itu mempunyai pekerja bertudung dan berkopiah, ia adalah halal.